

Najib: Akta Hasutan akan dipinda
Malaysian Insider
11 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Julai — Datuk Seri Najib Razak mengumumkan sebentar tadi kerajaan akan meminda Akta Hasutan 1948, salah satu usaha beliau untuk melakukan reformasi menjelang pilihan raya umum (PRU) yang semakin hampir.

Najib berkata, undang-undang yang telah berusia 64 tahun itu akan digantikan dengan Akta Harmoni Kebangsaan.

Perdana menteri (PM) membuat pengumuman semasa majlis makan malam Jabatan Peguam Negara di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur sebentar tadi.

"Keputusan menggantikan Akta Hasutan dibuat kerana kita mahu mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik di antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sesuai dan selaras dengan peruntukan dan jaminan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di negara ini," katanya.

Menurut beliau lagi, peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut akan memberi penekanan kepada pemupukan semangat harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

Bagaimanapun kata Najib, kerajaan akan tetap memastikan bahawa peruntukan-peruntukan baru ini tidak akan menjejaskan kuasa untuk menangani perbuatan dan perlakuan.

"Yang mendatangkan kebencian dan penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang DiPertuan Agong atau mana-mana Raja. Mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia dan mempersoalkan apa-apa hak, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif sebagaimana yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III atau Perkara 152, 153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Sebelum ini Akta Buang Negeri dan Akta Kediaman Terhad telah dimansuhkan. Undang-undang Baru seperti Akta Perhimpunan Aman telah digubal di dalam rangka mengukuhkan hak rakyat yang telah dijamin perlembagaan iaitu untuk berhimpun secara aman.

Beberapa undang-undang sedia ada pula telah dipinda seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang menghapuskan keperluan memperbaharui lesen secara tahunan serta Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menjamin hak perlembagaan mahasiswa dan mahasiswi untuk menganggotai mana-mana parti politik.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akta-hasutan-akan-dipinda/>